

Pendekatan Reflektif dan Kolaboratif Menggunakan Kajian Tindakan Penyertaan: Satu Perkongsian Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional

Oleh
Zulkifili bin Saleh
Pejabat Pendidikan Daerah Kota Setar
zulkiflisaleh@moe.gov.my

Abstrak

Kajian tindakan selalunya dikaitkan dengan konteks bilik darjah. Namun, perkembangan pelaksanaan kajian tindakan terkini tertumpu juga kepada usaha memperbaiki pengurusan sekolah ataupun sesuatu program. Kajian tindakan ini dikenali sebagai Kajian Tindakan Penyertaan. Kajian yang dilaksanakan ini bertujuan meneroka komuniti pembelajaran profesional guru melalui pendekatan learning study yang berasal dari Hong Kong. Pendekatan ini didapati dapat meningkatkan amalan reflektif dan kolaboratif guru-guru di sekolah. Guru-guru melengkapkan satu kitaran menyelidik, merancang, mengajar, menilai dan merefleks pengajaran untuk membantu murid mempelajari objek pembelajaran berdasarkan Teori Variasi. Guru-guru yang terlibat ditemubual dan hasilnya dibuat interpretasi. Dapatan kajian learning study dapat menjadikan guru lebih reflektif dalam membangunkan pengetahuan tentang pembelajaran matematik. Guru-guru telah dapat membentuk komuniti pembelajaran profesional antara mereka. Bukti dari kajian mencadangkan pendekatan learning study sebagai satu pendekatan komuniti pembelajaran profesional bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran di bilik darjah.

***Kata kunci: Kajian Tindakan Penyertaan, Learning Study,
Komuniti Pembelajaran Profesional***

Pengenalan

Cabaran utama dalam pendidikan guru ialah menyediakan guru-guru yang mampu menghadapi kehendak perubahan semasa ke arah pendidikan bertaraf antarabangsa (Hord, 2004; Khir, 2015; Stoll, Bolam, McMohan, Wallace & Thomas, 2006). Kualiti pengajaran dan pembelajaran guru telah lama diberi perhatian pelbagai pihak sebagai faktor utama untuk meningkatkan kualiti pendidikan (Stoll et al., 2006).

Dalam usaha untuk mentransformasikan pendidikan negara, guru memainkan peranan untuk melonjakkan kualiti pendidikan negara bertaraf dunia kerana “kualiti sesuatu sistem pendidikan tidak akan melebihi kualiti gurunya” (*the quality of the education system cannot exceed the quality of its teacher*) dan “satu-satunya cara untuk memperbaiki keberhasilan adalah dengan memperbaiki pengajaran” (*the only way to improve the outcome is to improve the instruction*) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2015 telah dihasilkan bagi mentransformasikan pendidikan negara melalui jaringan yang menghubungkan semua peringkat dalam kementerian. Antara usaha yang dijalankan dalam transformasi kementerian adalah menempatkan pembimbing guru dan pembimbing pengetua/ guru besar yang bertanggungjawab mempercepatkan peningkatan prestasi sekolah melalui inisiatif peringkat daerah yang sistematik. Kewujudan pembimbing guru yang dikenali sebagai Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (S/SC+) akan dapat memberi tumpuan penuh sebagai pembimbing (*coach*) dan mentor dalam membina hubungan yang kukuh dengan guru melalui sokongan yang disesuaikan mengikut tahap prestasi sekolah tersebut (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Bab 6 Transformasi Kementerian, PPPM 2013 – 2025, menjelaskan bahawa dalam Gelombang 2 dan 3, tumpuan akan diberikan kepada membudayakan kecemerlangan berasaskan teladan rakan setugas. KPM akan memudah cara aktiviti pembangunan profesionalisme berterusan (PPB) yang dipacu oleh guru bagi membolehkan guru membimbing satu sama lain, membangun dan menyebarkan amalan terbaik, dan sama-sama bertanggungjawab bagi mencapai standard

profesional. Menurut Khir (2015), PPB adalah agenda utama KPM kerana guru berkualiti merupakan nadi kepada kejayaan pelaksanaan Dasar Pendidikan Negara yang mempunyai kaitan secara langsung dengan keberhasilan murid.

Dua aktiviti utama dalam PPB yang ditekankan oleh KPM ialah pelaksanaan kajian tindakan dan komuniti pembelajaran profesional (KPP). Menurut Soon (2007), apabila guru-guru dalam sesebuah sekolah melaksanakan kajian tindakan, sekolah itu boleh dianggap sebagai sebuah organisasi pembelajaran. Ini adalah kerana guru-guru di sekolah itu dapat belajar teknik serta '*best practices*' yang mampu membawa hasil (Soon, 2007). Dengan menjalankan kajian tindakan kita akan memperoleh bukti empirikal tentang keberkesanan sesuatu intervensi.

Selain kajian tindakan, aktiviti PPB yang juga ditekankan kerana dapat meningkatkan amalan kolaboratif sesama guru serta menyokong amalan reflektif guru ialah komuniti pembelajaran profesional. Komuniti pembelajaran profesional boleh didefinisikan sebagai kumpulan guru yang bekerja secara kolaboratif dan berterusan untuk menyelesaikan persoalan-persoalan yang dipersetujui bersama bagi meningkatkan pencapaian murid (DuFour dan Eaker, 2008).

Komuniti pembelajaran profesional telah menjadi simbol usaha secara komprehensif dan cita-cita besar KPM bagi mencabar, memotivasi serta membantu sekolah meningkatkan pencapaian dan merealisasikan transformasi pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Fokus penulisan kertas kerja ini ialah untuk membincangkan pendekatan reflektif dan kolaboratif dalam bimbingan menggunakan Kajian Tindakan Penyertaan (*Participatory Action Research*). Kajian ini meneroka komuniti pembelajaran guru melalui pendekatan *learning study* yang berasal dari Hong

Kong, yang dapat menggalakkan dan menyokong amalan reflektif dan kolaboratif guru-guru di sekolah.

Kajian Tindakan Penyertaan


Pembangunan diri dan profesionalisme guru adalah strategi yang dapat menjamin peningkatan pencapaian murid dan sekolah secara keseluruhannya (Rosnah & Muhammad Faizal, 2012). Kajian tindakan merupakan amalan yang perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan warga pendidik sentiasa relevan dengan perkembangan semasa. Tujuan kajian tindakan dalam konteks masa kini menurut Soon (2007) ialah (i) menambah baik kaedah pengajaran, (ii) meningkatkan strategi pembelajaran, (iii) menghasilkan prosedur penilaian yang berkesan, (iv) berkongsi sikap dan nilai yang positif, (v) membangunkan perkembangan staf, (vi) memperkukuhkan pengurusan dan kawalan, dan (vii) meningkatkan keberkesanan pentadbiran.

Menurut Airasian dan Gay (2003), kajian tindakan merupakan proses di mana seseorang atau beberapa orang guru mengumpulkan maklumat dan membuat keputusan untuk menambah baik aktiviti pengajaran mereka. Manakala Jamil (2002) menjelaskan konsep kajian tindakan sebagai satu kajian yang berbentuk inkuiri refleksi sendiri yang dilakukan oleh peserta dalam situasi sosial itu sendiri, melaksanakan tindakan praktik untuk membaiki dan meningkatkan kualiti amalan masing-masing. Kajian tindakan melibatkan pengumpulan dan penterjemahan data untuk memudahkan pemahaman seseorang tentang sesuatu fenomena atau permasalahan di tempat kerja (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2008). Kajian tindakan melibatkan proses yang aktif melibatkan perancangan, pelaksanaan, pemerhatian dan

penilaian ke atas tindakan-tindakan guru serta impak terhadap pembelajaran murid (Norasmah & Chia, 2015).

Kajian tindakan selalunya dikaitkan dalam konteks bilik darjah iaitu untuk menambah baik proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Namun, perkembangan pelaksanaan kajian tindakan terkini tertumpu juga kepada usaha memperbaiki pengurusan sekolah ataupun sesuatu program. Menurut Creswell (2005), dalam konteks masa kini, kajian tindakan boleh wujud dalam konteks bilik darjah ataupun dalam konteks persekitaran sekolah atau komuniti. Creswell (2008) telah membahagikan kajian tindakan kepada dua jenis iaitu: (i) kajian tindakan amalan (*practical action research*) dan, (ii) kajian tindakan penyertaan (*participatory action research*).

Kajian tindakan amalan merupakan suatu kajian tentang amalan guru di bilik darjah secara individu ataupun berkumpulan dengan memberi fokus kepada amalan guru dan pembelajaran murid. Manakala kajian tindakan penyertaan merupakan satu pendekatan kajian dalam sesuatu komuniti yang memberi fokus kepada penyertaan dan tindakan untuk memahami persekitaran dan berusaha mengubahnya, secara kolaboratif dan refleksi berterusan. Menurut Miller dan Maguire (2009), kajian tindakan penyertaan sebagai “*done by practitioners to examine their own beliefs and practices more critically*”, (ms. 81). Soon (2007) mencadangkan agar kajian tindakan penyertaan menggunakan Gelung Interaksi Kajian Tindakan Stringer (1999). Dalam rajah di bawah, gelung interaksi melibatkan tiga fasa iaitu: i. lihat, ii. fikir, dan iii. bertindak.



Rajah 1: Gelung Interaksi Kajian Tindakan (Stringer, 1999)

Dalam model ini, Stringer (1999) mencadangkan agar pengkaji melihat (*look*) untuk membina satu gambaran bagi memahami isu dan mengumpul data (temu bual, pemerhatian, analisis keputusan peperiksaan). Fasa seterusnya berfikir (*think*), iaitu mentafsir isu-isu dengan lebih mendalam dan mengenal pasti keutamaan bagi menjalankan tindakan. Pada fasa terakhir, penyelidik bertindak (*act*), iaitu menghasilkan penyelesaian-penyelesaian yang praktikal terhadap masalah-masalah yang timbul termasuklah melaksanakan plan, menggalakkan orang menjalankannya dan menilai dari segi keberkesanan dan pencapaian. Dalam fasa ini, pengkaji telah melaksanakan komuniti pembelajaran profesional melalui *learning study* yang telah dilaksanakan di sebuah sekolah menengah dalam PPD Kota Setar. Seramai 8 orang dalam membangun dan melaksanakan KPP ini termasuklah pengkaji sendiri.

Pendekatan *learning study*

Di Malaysia, gerakan komuniti pembelajaran profesional dalam kalangan guru dan pentadbir sekolah telah dijalankan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dan Institut

Aminuddin Baki (IAB). Pada tahun 2011, BPG telah menggerakkan komuniti pembelajaran profesional di 289 buah sekolah berprestasi rendah bagi mata pelajaran tertentu di bawah Program Penambahbaikan Sekolah. Pendekatan utama yang digunakan ialah *lesson study* iaitu satu bentuk program pembangunan profesionalisma di mana guru secara kolaboratif merancang, melaksana, memerhati dan membuat refleksi untuk penambahbaikan sesuatu pengajaran (Cerbin & Kopp, 2006; Lewis, 2002; Sander, 2009). *Lesson study* dilihat mampu meningkatkan keberkesanan pengajaran guru di bilik darjah (Sanders, 2009, Stigler & Hiebert, 1999). Namun begitu, menurut Cheng dan Lo (2013), adaptasi dan kefahaman tentang *lesson study* berbeza antara negara.

Dua pendekatan utama telah muncul iaitu pendekatan *lesson study* oleh pengkaji-pengkaji di Amerika Syarikat seperti Catherine Lewis, Clea Fernandez dan Yoshida dan pendekatan *learning study* oleh pengkaji-pengkaji di Hong Kong seperti Lo Mun Ling dan Ference Marton. Oleh kerana, sumber utama rujukan *lesson study* adalah dari Amerika Syarikat, pendekatan tersebut lebih berpengaruh di kebanyakan negara seperti di Singapura dan Indonesia (Cheng & Lo, 2013). Malahan, pengaruh tersebut juga boleh dilihat dalam pelaksanaan *lesson study* di Malaysia. Maka, kajian ini berusaha untuk meneroka pendekatan *learning study* sebagai satu strategi yang berpotensi meningkatkan pembelajaran guru secara kolaboratif.

Learning study adalah hibrid kepada *lesson study* (Wood, 2013) yang berasal dari Hong Kong. *Lesson study* memberi fokus kepada pelbagai aspek pengajaran seperti pengurusan bilik darjah, strategi pengajaran, atau pelaksanaan kurikulum baharu. Namun *learning study* sentiasa menggunakan 'objek pembelajaran' sebagai

permulaan. Soalan kajian bagi setiap *learning study* sentiasa, “Bagaimana mengajar X supaya semua murid-murid mempunyai peluang terbaik mempelajarinya?” (Wood, 2013). Menurut Cheng dan Lo (2013), *learning study* berasal daripada tradisi yang diamalkan oleh guru-guru di China dan Jepun yang melaksanakan penyelidikan tentang pengajaran mereka. Walaubagaimanapun *learning study* adalah berbeza dengan *lesson study* oleh Stigler dan Hiebert (1999) kerana kerangka konseptual bagi setiap *learning study* adalah berdasarkan Teori Variasi yang dibangunkan oleh Marton dan Booth (1997) (Cheng & Lo, 2013)

Cheng (2009) menyatakan terdapat tiga elemen dalam *learning study* iaitu: 1) fokus kepada objek pembelajaran iaitu isi pembelajaran dan cara murid-murid memahaminya; 2) pengetahuan tentang murid-murid iaitu cara melihat sesuatu perkara adalah berbeza dan pembelajaran berlaku apabila seseorang murid mengubah cara melihatnya, dan 3) membina tiga jenis variasi (V) iaitu: variasi kefahaman murid tentang objek pembelajaran (V1), variasi kefahaman tersendiri guru tentang cara pengajaran sesuatu objek pembelajaran (V2), dan menggunakan variasi sebagai prinsip untuk membimbing mereka bentuk pengajaran (V3).

Menurut Cheng (2009), *learning study* merupakan satu proses inkuiri yang sistematik dan melibatkan tiga langkah utama iaitu perancangan, pelaksanaan dan penilaian sesuatu rancangan pengajaran. Langkah perancangan merupakan proses menentukan objek pembelajaran melalui pengumpulan data kefahaman konseptual murid dan guru. Kefahaman konseptual murid tentang objek pembelajaran boleh ditentukan dengan mengadakan ujian pra dan temubual murid tentang objek

pembelajaran tersebut. Pendekatan dan strategi pengajaran yang sesuai ditentukan dan satu rancangan pengajaran dihasilkan.

Rancangan pengajaran yang dihasilkan akan digunakan oleh guru yang dipilih untuk mengajar, manakala guru-guru lain akan membuat pemerhatian dalam kelas tersebut. Satu sesi refleksi dilakukan selepas pengajaran di mana setiap guru membuat refleksi sendiri dan memberi cadangan-cadangan penambahbaikan. Langkah penilaian dilaksanakan serentak dengan langkah yang kedua iaitu pelaksanaan. Proses ini melibatkan triangulasi antara markah ujian pra dan ujian post, temubual dengan murid dan pemerhatian pengajaran.

Cheng (2009) telah menjalankan kajian di dua buah sekolah rendah di Hong Kong melibatkan dua kumpulan *learning study*. Hasil kajian beliau menunjukkan sifat kolaboratif yang ditunjukkan dalam *learning study* memberi peluang kepada semua guru yang terlibat untuk berkongsi pengetahuan, nilai dan kepercayaan. Menurutnya, *learning study* mempunyai peluang bukan hanya untuk menambahbaik pengajaran, malahan menambahbaik amalan-amalan profesional dan aktiviti intelektual guru.

Impak ke atas Komuniti Pembelajaran Profesional

Wenger (2007) telah menyatakan tiga ciri komuniti pembelajaran profesional daripada pelaksanaan *learning study* iaitu (i) aktiviti secara kolaboratif, (ii) penglibatan pembelajaran secara kolaboratif, dan (iii) perkongsian sumber.


Aktiviti secara kolaboratif

Ahli-ahli dalam kumpulan *learning study* telah memperuntukan hampir satu jam setiap perjumpaan untuk berkongsi, berbincang dan mencari persetujuan bagi menentukan objek pembelajaran. Mereka berkongsi masalah yang sama tentang pencapaian dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun pada awal Mei. Guru-guru telah melaksanakan analisis item dan tajuk yang dipersetujui bersama ialah Kebarangkalian. Kegagalan murid-murid menentukan ruang sampel telah dikongsi oleh Puan M dan Encik A.

Murid-murid saya dalam Kelas 5C tidak dapat menjawab soalan Kebarangkalian. Saya tidak menyangka yang mereka tidak tahu menulis ruang sampel, sedangkan saya telah membuat ulangkaji seminggu sebelum peperiksaan. Saya berharap mereka dapat menjawab sekurang-kurangnya bahagian 'a'. (Puan M).

Semua murid kelas 5D tidak dapat menulis ruang sampel. Bukan susah sangat untuk menulis jawapan. Ini menunjukkan mereka tidak tahu sedangkan mereka sudah belajarnya di tingkatan 4. (Encik A)

Akhirnya, setiap ahli bersetuju supaya “Menentukan ruang sampel sesuatu ujikaji” (V2) dijadikan objek pembelajaran. Murid dikehendaki menentukan ruang sampel jika sekeping kad dikeluarkan dari bekas A dan bekas B secara rawak seperti Rajah 3.



Rajah 3: Ujikaji menentukan ruang sampel

Guru menganalisis jawapan murid dan telah mengenal pasti empat bentuk jawapan murid seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 1: Analisis jawapan murid dalam menentukan ruang sampel ujikaji

Bentuk	Jawapan murid (V1)	Bilangan murid menjawab
Bentuk A	{{(1, 4), (1,5), (2,4), (2, 5), (3, 4), (3,5), (4,1), (4, 2), (4, 3), (5, 1), (5,2), (5,3)}	5
Bentuk B	{1,2,3,4,5}	7
Bentuk C	{14,15,24,25,34,35}	3
Bentuk D	{{(1, 4), (1,5), (2,4), (2, 5), (3, 4), (3,5)} • Jawapan betul	5
	Tidak menjawab soalan	8

Berdasarkan jawapan murid (**V1**), guru-guru berbincang tentang pola variasi yang wujud (**V3**) dan seterusnya berkongsi idea mereka bentuk pengajaran (**V2, V3**), melaksanakan (**V1, V2, V3**) dan membuat refleksi pengajaran. Mengenalpasti objek pembelajaran dan menggunakan Teori Variasi untuk membuat penambahbaikan keberkesanan pengajaran memerlukan setiap ahli dalam *learning study* melaksanakan aktiviti secara kolaboratif merupakan ciri penting mengikut Wenger (2007) sesebuah komuniti pembelajaran profesional.

Penglibatan pembelajaran secara kolaboratif

Guru-guru mengakui bahawa penglibatan mereka dalam *learning study* telah membantu pembelajaran secara kolaboratif melalui perkongsian. Semua guru bersetuju

bahawa mereka telah diberi peluang untuk berkongsi pengajaran dengan menghasilkan rancangan pengajaran harian yang telah dipersetujui bersama-sama.

“Pada mulanya memang nampak susah nak buat. Tetapi bila dilaksanakan secara berkumpulan macam learning study ni...saya rasa dibantu sama oleh guru lain. Masalah yang saya hadapi dengan kelas 5C dibincang dengan orang lain” Puan M

“Sebagai guru yang masih baharu, saya dapat bantuan dari guru yang lebih lama dan berpengalaman” Encik A

Dalam melaksanakan *learning study*, semua ahli yang terlibat dikehendaki merancang, membuat pemerhatian, membuat refleksi dan membuat penilaian. Elemen tersebut merupakan asas kepada penglibatan pembelajaran secara kolaboratif dan merupakan ciri kedua bagi sesebuah komuniti pembelajaran dalam rangka kerja kajian ini.

Perkongsian sumber

Sepanjang *learning study* dijalankan, guru-guru telah menghasilkan pelbagai sumber yang boleh dikongsi iaitu rancangan pengajaran harian, laporan dan bahan bantu mengajar. Mereka menghasilkan pola variasi (V1, V2, V3) untuk menstrukturkan pengajaran. Pengetahuan spesifik yang dibina melalui *learning study* ini membuka peluang kepada komuniti pembelajaran untuk berkongsi pengetahuan, nilai dan kepercayaan dalam kalangan ahli.

Impak ke atas pembelajaran guru dan murid

Pelaksanaan *learning study* telah menyumbang kepada pembangunan profesionalisme guru. Dapatan pelaksanaan *learning study* adalah selari dengan kajian oleh Cheng (2009) iaitu perubahan amalan guru secara individu dalam bilik darjah. Guru-guru menyatakan bahawa *learning study* yang dijalankan telah meningkatkan profesionalisme mereka. Sebagai contohnya, guru menyatakan bahawa melaksanakan *learning study* meningkatkan pengajaran mereka di bilik darjah berdasarkan kritikan pengajaran yang diperhatikan.

“Secara jujur, ini (learning study) adalah baik...sebab, apabila kita mengajar seorang diri, kita tidak sedar aspek-aspek yang perlu dibaiki. Tetapi program ini (learning study) telah memberi saya peluang untuk mengkritik pengajaran. Saya menghargai kelemahan diri dan kekuatan rakan yang lain”. (Puan N)

Pembelajaran guru juga berlaku apabila guru membuat refleksi sendiri yang merupakan satu pendekatan ke arah meningkatkan tahap profesionalisme dan asas kepada pemilihan strategi pengajaran guru.

*“Learning study sangat berguna kepada saya...sebelum ni apabila mengajar tajuk ini saya hanya beritahu murid jawapan. ..sekarang saya mengakui perkara tersebut tidak sesuai ...saya sedar yang saya perlu belajar dan bertanya kepada orang lain”.*Puan K

Temu bual bersama murid-murid yang terlibat juga telah dijalankan selepas pelaksanaan pengajaran tentang objek pembelajaran. Seorang murid (Murid A)

menyatakan kaedah pengajaran guru berbeza dengan sebelumnya, serta mengakui kesilapan yang telah dilakukan sebelum ini. Manakala Murid B pula mengakui peluang yang telah diberikan oleh guru untuk pembelajaran secara koperatif dengan rakan yang lain.

Saya merasakan yang saya telah diberikan pilihan untuk menentukan ruang sampel. Tentu selalu saya akan menggunakan jadual. Sebelum ini saya akan menggunakan pengiraan secara mental...emppp sebab itu saya mendapat jawapan yang salah. (Murid A)

Lebih seronok menjawab secara berkumpulan berbanding secara individu.

Rakan-rakan saya membantu saya memahami topik tersebut. (Murid B)

Perbincangan Dan Cadangan

Moss, Sloan dan Sandor (2009), telah membuktikan bahawa *coaching* dan kajian tindakan merupakan program perkembangan profesionalisme berterusan guru yang telah memberikan impak tinggi dalam kalangan guru yang melaksanakannya. Kajian tindakan penyertaan merupakan inisiatif yang positif dalam melaksanakan *coaching* bersama-sama guru-guru terutamanya dalam mewujudkan hubungan antara S/SC+ dan guru dibimbing. Melalui hubungan tersebut, *coach* akan dapat mengenal pasti dan memahami keperluan guru dan menyokong guru-guru untuk mengubah sikap (Onchwari & Keengwe, 2008). Pelaksanaan kajian tindakan penyertaan ini memenuhi hasrat KPM iaitu SISC+ akan dapat memberi tumpuan penuh sebagai pembimbing (*coach*) dan mentor dalam membina hubungan yang kukuh dengan guru melalui

sokongan yang disesuaikan mengikut tahap prestasi sekolah tersebut (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Dapatan juga menunjukkan pelaksanaan *learning study* merupakan satu pendekatan komuniti pembelajaran profesional guru yang boleh dilaksanakan di sekolah. Teori Variasi yang digunakan dalam *learning study* dapat membantu sebagai panduan kepada guru untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan dan seterusnya meningkatkan kefahaman murid tentang objek pembelajaran. *Learning study* boleh digunakan sebagai landasan untuk mengurangkan jurang teori kepada praktikal. Sepanjang projek dijalankan, guru-guru belajar untuk menggunakan bahasa yang sama tentang pengajaran dan pembelajaran, membincangkan tentang objek pembelajaran, variasi kefahaman murid tentang objek pembelajaran (V1), variasi kefahaman tersendiri guru tentang cara pengajaran sesuatu objek pembelajaran (V2), dan menggunakan variasi sebagai prinsip untuk membimbing mereka bentuk pengajaran (V3). Guru-guru mendapat pengetahuan dan kefahaman yang lebih baik tentang teori dan praktikal melalui penggunaan Teori Variasi.

“Selama ini, saya hanya tahu membuat analisis item tanpa menggunakannya secara optimum. Melalui learning study ni...saya dapat menggunakan analisis tersebut” (Puan K).

Learning study menyediakan guru landasan untuk perkongsian pengetahuan dan membentuk komuniti pembelajaran profesional seperti yang digariskan oleh Wenger (2007). *Learning study* juga memenuhi enam ciri-ciri komuniti pembelajaran profesional yang digariskan oleh DuFour dan Eaker (2008) iaitu: perkongsian misi, visi dan matlamat; inkuiri secara kolektif; kolaboratif; berorientasikan tindakan; penambah

baik secara berterusan dan berorientasikan keputusan. Guru-guru memberi maklum balas yang positif tentang pelaksanaan *learning study*. Catatan di bawah menunjukkan *learning study* menyumbang kepada pembelajaran guru dan seterusnya menyokong dapatan kajian sebelum ini (Cheng, 2009; Liu, 2008).

“Pada mulanya saya berasa tertekan tentang penerangan yang diberikan, jadual yang padat. Sebenarnya saya memang tidak suka orang lain menilai pengajaran saya...pada mulanya saya ingatkan seperti itu...tetapi selepas melalui proses tersebut...tanggapan saya memang salah. Projek ini memang membantu saya”. (Encik A)

Learning study berpotensi untuk memperbaiki pengajaran dan aktiviti pembangunan profesionalisme guru. *Learning study* mencapai matlamat pembangunan profesional iaitu guru berpulang untuk bekerja secara kolaboratif, membuat refleksi, dan pemerhatian pengajaran dalam konteks bilik darjah sebenar dan berdasarkan keperluan murid. Kajian ini menyokong dapatan kajian oleh Cheng (2009) bahawa guru-guru telah menggunakan konsep daripada Teori Variasi dan prosedur untuk menjalankan kajian tindakan dalam amalan pengajaran mereka. Proses menentukan objek pembelajaran telah membuka ruang kepada guru dalam kumpulan *learning study* berkongsi dan menyumbang idea berupaya membentuk kesedaran guru untuk pemajuan diri.

Pelaksanaan *learning study* dicadangkan kepada pihak sekolah sebagai kaedah latihan di bilik darjah. Hal ini adalah kerana guru-guru dapat menentukan amalan terbaik di bilik darjah melalui refleksi yang dilakukan. Guru dapat memberi makna kepada kehendak perubahan kurikulum seperti menyediakan pengajaran dan

pembelajaran yang menyeronokkan, berasaskan murid dan sebagainya. Puan M menjelaskan

"Jika kita mahu murid kami untuk menikmati pembelajaran, kita perlu berfikir bagaimana dan apa yang kita mengajar ... Saya mesti membantu mereka mencari keseronokan dalam pembelajaran matematik " (Puan M)

Bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan *learning study*, kehadiran pihak luar sangat digalakkan. Guru mendapati kehadiran pihak luar membantu mereka membuat refleksi sendiri tentang amalan sedia ada. Dapatan ini adalah selaras dengan dapatan Underwood (2011) yang menyatakan bahawa kemahiran setempat (*on-site expertise*) berupaya menggerakkan komuniti pembelajaran profesional. Puan K menyatakan

"masa perbincangan tu...Pegawai SISC+ kata budak (murid-murid) tak faham mungkin tak diajar konsep asas...lepas tu bila difikir semula memang betul. Selepas melaksanakan projek ni...nampak jelas sangat...Kadang-kadang skip (melangkau) benda tu (konsep asas) kerana nak cepat, nak habiskan tajuk. Kehadiran pegawai luar memang membantu kami memikir semula banyak perkara" (Puan K)

Soon (2007) juga mencadangkan agar kajian tindakan yang dilakukan di sekolah adalah bersifat kolaboratif sama ada guru-guru lain dalam sesebuah sekolah ataupun personel di luar sekolah seperti dari Kementerian Pendidikan, JPN, PPD, universiti ataupun pihak berkepentingan.

Amalan reflektif melalui pelaksanaan Kajian Tindakan Penyertaan ini telah membantu memperhebat sokongan kepada guru dan murid melalui tindakan yang terancang. *Learning study* yang dilaksanakan dalam komuniti pembelajaran profesional dibentuk telah meningkatkan pembelajaran sendiri guru. Lowry (2005) menyatakan 70% pembelajaran orang dewasa adalah pembelajaran terarah sendiri (*self-directed learning*). Pembelajaran terarah sendiri merupakan proses di mana seseorang individu mengambil inisiatif dengan atau tanpa pertolongan orang lain untuk membuat penilaian keperluan pembelajaran sendiri, menyatakan matlamat pembelajaran, mengenal pasti sumber-sumber pembelajaran, memilih dan melaksanakan strategi pembelajaran, dan menilai hasil pembelajaran (Lowry, 2005).

Penutup

Seseorang *S/SC+* yang menjalankan kajian tindakan bagi memperbaiki amalannya sebenarnya terlibat dalam *self-reflective research* (Soon, 2007). Dalam perkataan lain, kajian tindakan merupakan satu bentuk perkembangan profesionalisme seseorang *S/SC+*. Kajian Tindakan Penyertaan menyediakan satu ruang melihat proses C&M, merancang dan berfikir tentang sesuatu tindakan, bertindak mengikut keperluan konteks masing-masing yang akhirnya membentuk satu gelung bertindak. Amalan *self-reflective* dalam kalangan *S/SC+* bersama-sama guru dibimbing masing-masing merupakan tindakan yang boleh dilakukan bagi mengubah pemikiran dan tindakan. Kajian Tindakan Penyertaan yang dilaksanakan membuktikan pendekatan *learning study* boleh dijadikan sebagai satu daripada amalan dalam komuniti pembelajaran profesional guru di sekolah. Hal ini adalah kerana *learning study* merupakan satu kajian

tindakan yang dilaksanakan oleh guru berdasarkan amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) sebenar, membuat refleksi berdasarkan data-data yang dikumpul melalui pemerhatian dan meningkatkan elemen kolaboratif guru.

Rujukan

- Airasian, P. & Gay, L.R. (2003). *Educational Research: Competencies for Analysis and Application (Seventh edition)*. New Jersey: Merrill Prentice Hall
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). *Manual Kajian Tindakan*. Kuala Lumpur: BPPDP, KPM.
- Cerbin, W. & Kopp, B. (2006). Lesson Study as a Model for Building Pedagogical Knowledge. [Atas talian]. www.isetl.org/ijtlhe/articleView.cfm?id=110. [21/01/2011]
- Cheng, E.C.K & Lo, Mun Ling (2013). *The Approach Of Learning Study: Its Origin And Implications*. [Atas talian] www.oecd.org/edu/cei/Eric%20Cheng.Learning%20Study.pdf [20/01/2014]
- Cheng Chi Keung (2009). Enhancing Teacher Learning Via Learning Study: A Community of Practices Perspective. Proceedings of the 29th Conference of the International Group for the Psychology of Mathematics Education, Vol.2, 249 – 256.
- Creswell, J.W. (2005). *Educational Research: Planning, Conducting, And Evaluating Quantitative And Qualitative Research*. 2nd ed. Upper Saddle River, NJ: Pearson Prentice Hall.

- Creswell, J. W. (2008). *Educational Research: Planning, Conducting, And Evaluating Quantitative And Qualitative Research* (3rd ed.). Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education, Inc.
- DuFour, R., & Eaker, R. (2008). Revisiting professional learning communities at work: New insights for improving schools. Bloomington, IN: Solution Tree.
- DuFour, R., Eaker, R., & Many. (2006). Learning by doing: A handbook for professional learning communities at work. New York: Teachers College Press
- Elliot, C. (2007). Action Research: Authentic Learning Transforms Students and Teacher Success. *Journal of Authentic Learning*, 4 (1): ms. 34 – 42. [Atas talian]. <http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.546.2655&rep=rep1&type=pdf>. [10.10.2014]
- Hord, S (2004) Professional Learning Communities: An Overview, in S. Hord (ed) Learning Together, Leading Together: Changing Schools Through Professional Learning Communities. New York: Teachers College Press and Alexandria, VA: ASCD. [Atas talian] <http://dera.ioe.ac.uk/5622/1/RR637.pdf> [15.05.2015]
- Jamil Ahmad. (2005). *Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru: Satu Penilaian*. Kertas dibentangkan dalam Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan Ke XII 2005 dari 6 – 9 Disember 2005 di Swiss Garden Resort, Pahang.
- Johnson, D.R. (2011). "A Quantitative Study of Teacher Perceptions of Professional Learning Communities' Context, Process, and Content" (2011). Seton Hall University Dissertations and Theses (ETDs). Paper 15.

- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). *Modul Komuniti Pembelajaran Profesional*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lewis, C. (2002). Does Lesson Study have a future in the United State?. *Nagoya Journal of education and Human Development*. ms. 1-23. [Atas talian]
<http://lessonresearch.net/nagoyalsev.pdf>. [21.11.2009].
- Khair Mohammad Yusuf (2015). Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB). *Buletin Anjakan*. Kementerian Pendidikan Malaysia, Bil. 7.
- Liu, S. (2013). Pedagogical Content Knowledge: A Case Study of ESL Teacher Educator. *English Language Teaching*, 6 (7), 128 – 138.
- Lowry, C.M. (2005). Supporting and Facilitating Self-Directed Learning. *ERIC Digest*, No. 93, 1 - 6. [Atas talian] <http://files.eric.ed.gov/fulltext/ED312457.pdf>
- Miller, M.B. & Maguire, P. (2009). Participatory Action Research: Contribution to the Development of Practitioner Inquiry in Education. *Educational Action Research*, 17 (1): ms. 79 – 93.
- Moss, G., Sloan, L. & Sandor, J. (2009). Peer Coaching and Action Research as Professional Development. *Scholarlypartnershipsedu*, 4 (2): ms. 68 – 81. [Atas talian]. <http://opus.ipfw.edu/spe/vol4/iss2/7>. [1.10.2015]
- Nolen, A. L. & Putten, J.V. (2007). Action Research in Education: Addressing Gaps in Ethical Principles and Practices. *Educational Researcher*, 36 (7): ms. 401 – 407.

- Norasmah Othman, & Chia, S.Y. (2014). Coaching In Action Research. *Journal of Empirical Studies*, 1(3), 98-104.
- Norasmah Othman & Chia, S.Y. (2015). Empowering Teaching, Learning, and Supervision Through Coaching in Action Research. *Journal of Management Research*, 7 (2), 98 – 108.
- Onchwari, G. & Keengwe, J. (2008). The Impact of a Mentor-Coaching Model on Teacher Profesional Development. *Early Childhood Educational Jurnal*, 36, 19 – 24. [Atas talian] <http://www.academia.edu/20836610/> [12.5.2015]
- Prince, T., Snowden, E. & Mathews, B. (2010). Utilising Peer Coaching as a Tool to Improve Students-Teacher Confidence and Support the Development of Classroom Practice. *Literacy Information and Computer Education Journal*, 1(1): ms. 49 – 51.
- Rosnah Ishak & Muhammad Faizal A. Ghani (2012). Amalan Kepimpinan Untuk Sekolah “Organisasi Pembelajaran”. *Jurnal Pendidikan*, 37 (2), 35 – 41.[Atas talian] [http://www.ukm.my/jurpend/jurnal%2037\(2\)/5%20AmalanKepimpinan.pdf](http://www.ukm.my/jurpend/jurnal%2037(2)/5%20AmalanKepimpinan.pdf)
- Sanders, P. (2009). *Lesson Study: An Effective School-Based Teacher Professional Learning Model for Teachers of Mathematics*. [Atas talian] http://www.merga.net.au/documents/sanders_Rpo9.pdf. [16/03/2014]
- Sanders, P. (2009). *Lesson Study: An Effective School-Based Teacher Professional Learning Model for Teachers of Mathematics*. [Atas talian]. [http:// www.merga.net.au/documents/sanders_Rpo9.pdf](http://www.merga.net.au/documents/sanders_Rpo9.pdf). [16/03/2010]
- Soon Seng Thah. (2007). *Perkembangan terkini dalam kajian tindakan. Kertas kerja Kursus Pemantapan Jurulatih Utama Kajian Tindakan*. Anjuran Unit Penyelidikan

Dasar Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kedah, 5-8 Februari.

Stoll, L., Bolam, R., McMahon, A., Wallace, M. & Thomas, S. (2006). Professional learning communities: A review of the literature. *Journal of Educational Change*, 7 (4), 221-258

Stigler, J. W., & Hiebert, J. (1999). *The Teaching Gap: Best Ideas From The World's Best Teachers For Improving Education In The Classroom*. New York: The Free Press.

Underwood, J.M. (2011), *Study of the Implementation of a Professional Learning Community in one Middle School in Georgia*. *Electronic Theses & Dissertations*.

Paper 286. [Atas talian]

<http://digitalcommons.georgiasouthern.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1286&context=et>. [20.01.2014]

Wenger, E. (2007) *Communities of Practices: A Brief Introduction*. [Atas talian]
<http://www.ewenge.com>. [20/01/2014]

Wood, K. (2013). Synthesising Theory And Practice In Teacher Education Through Learning Study. *Educational Research*, 2 (1), 1 – 13.